

kembara/global

Meneroka Hutan Simpan Sungai Menyala

Port Dickson: Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, mengambil inisiatif menelusuri keindahan khazanah negara dengan melawat hutan simpan dara di Pusat Pendidikan Pelancongan (Eco-Edutourism) Pengurusan Hutan Tropika di Hutan Simpan Sungai Menyala, di sini, baru-baru ini.

Program lawatan yang dikenali *Eco Outreach 4.0: Forest Conservation (Eco Outreach)* anjuran pelajar semester empat Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kesedaran menjaga dan memulihara alam sekitar secara menyeluruh.

Pengurus Media Sosial Eco Outreach, Ruhaida Razali, berkata penerokaan berkenaan membolehkan mereka mengenali kehidupan flora dan fauna dengan lebih dekat, sekali gus mengetahui kepentingan konservasi hutan.

"Pelbagai input diperoleh daripa-

da pegawai hutan di sana, antaranya hutan berperanan mencegah kejadian tanah runtuh, mengawal suhu bumi, membekalkan hasil hutan, kayu balak dan sumber perubatan herba.

"Pada masa sama, penjagaan hutan yang mampan juga mampu menjana pendapatan negara menerusi pembangunan pusat penyelidikan dan ekopelancongan negara," katanya.

Praktik Ilmu Kewartawanan

Selain hutan simpan, peserta turut berkunjung ke Pusat Ikan Hiasan Teluk Kemang, di sini, untuk memahami keperluan dan pengurusan menjaga laut.

Sementara itu, setiausaha projek, Mohd Fadhli Mohd Sulaiman, berkata maklumat yang diperoleh ketika lawatan dijadikan berita dan video, seterusnya dikongsi di laman sosial untuk mendidik masyarakat.

"Secara langsung, peserta akan lebih memahami aspek pemberi-

taan, penghasilan laporan berita yang berkualiti, sekali gus mempraktikkan ilmu kewartawanan yang dipelajari di bilik kuliah.

"Kami berharap berita yang ditulis mampu memupuk nilai cinta akan alam sekitar dan memberi kesedaran kepada semua kerana kefahaman masyarakat mengenai alam sekitar kini kurang membe-rangsangkan," katanya.

info

Eco Outreach

- Disertai 24 pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Kewartawanan
- Diadakan dengan kerjasama kelab Journalism Society (JSOC) UiTM



Peserta program Eco Outreach mendengar taklimat daripada pegawai perhutanan.



Lawatan ke Pusat Ikan Hiasan Teluk Kemang di Port Dickson.